

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Kluster Alam jangkiti 4 individu

Putrajaya: Satu kluster baharu dikesan di Bintulu, Sarawak semalam, dikenali sebagai Kluster Alam dan sudah menjangkiti empat individu setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia adalah kluster terpencil dikesan di sebuah kapal di Bintulu.

Katanya, kluster berkenaan dikesan susulan saringan COVID-19 ke atas lima individu bergejala, namun hanya empat kes dilaporkan positif, manakala seorang lagi masih menunggu keputusan pengesahan makmal.

“Semua kes positif ini kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, masing-masing membabitkan dua warganegara Malaysia dan warga asing.

“Mereka yang bertugas sebagai anak kapal itu mempunyai sejarah perjalanan ke Jepun dan kini menerima rawatan di Hospital Bintulu,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, oleh kerana kluster itu terpencil, ia tidak membawa risiko penularan jangkitan dalam komuniti kerana ia adalah kluster import di sebuah kapal.

“Aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat sedang dijalankan. Langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti proses nyahkuman dan nyahcemar telah dijalankan di kapal berkenaan,” katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Sambutan Maal Hijrah 1442

Norma baharu hijrah ke arah gaya hidup lebih baik

SOP diguna pakai masa kini sudah diamalkan zaman Ibnu Sina

Kuala Lumpur: Adaptasi norma baharu dalam kalangan rakyat adalah satu penghijrahan terbaik dalam usaha negara memerangi penularan wabak COVID-19.

Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 2020/1442 Hijrah yang juga Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, menyifatkan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan seperti penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan, adalah kaedah terbaik dalam mengubah kehidupan rakyat kepada yang lebih baik.

"Kalau kita lihat cara kita menyambut Maal Hijrah 1442 sangat berbeza dengan menggunakan norma baharu dan kaedah baharu ini adalah satu hijrah, iaitu cara kita mengubah kehidupan daripada kurang bagus kepada lebih bagus.

"Jadi, dengan SOP yang sudah kita jalankan dan kita maklumkan kepada rakyat untuk patuh, bukan hanya COVID-19, kita lihat penyakit berjangkit, iaitu penyakit campak serta tangan, kaki dan mulut (HFMD), berkurangan sehingga 60 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menerima anugerah daripada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan di Masjid Negara di sini, malam kelmarin.

Dr Noor Hisham berkata, SOP yang diguna pakai kini sebenarnya diamalkan pada zaman tokoh perubatan Islam, Ibnu Sina, seperti mengetatkan kawalan sempadan dan elak mengadakan perhimpunan besar dan tidak bersalaman ketika dilanda wabak.

Beliau percaya jika rakyat patuh dengan SOP itu, negara mampu memutuskan penularan COVID-19 walaupun masih tiada vaksin ditemui pada masa ini, sama seperti yang mampu dilakukan negara ketika berdepan penularan SARS dan Mers-CoV.

"Sebagai pakar bedah, saya mungkin boleh menyelamatkan satu nyawa pada satu masa, tetapi dalam pentadbiran, iaitu kesihatan awam, kalau perancangan kita betul kita boleh menyelamatkan satu negara.

"Ini tanggungjawab yang kita



Pematuhan SOP dengan memakai pelitup muka khusus di kawasan tumpuan umum dan dalam pengangkutan awam dapat membendung penularan pandemik COVID-19. (Foto Faiz Anuar/BH)

gal bersama di Kementerian Kesihatan (KKM), bekerja sebagai satu pasukan dan juga bekerjasama dengan kementerian lain.

"Kita menggunakan *whole government and whole society approach* dan saya minta semua rakyat Malaysia untuk sama-sama membantu negara kita daripada COVID-19," katanya.

Pada sambutan tahun ini yang bertemakan 'Ummah Rabbani Negara Harmoni' itu, Al-Sultan Abdullah turut berkenan menganugerahkan Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa kepada Syeikh Al-Azhar Al-Syarif, Syeikh Prof Dr Ahmad Tayyib.

Beliau yang tidak dapat menghadiri majlis itu diwakili oleh Duta Besar Mesir ke Malaysia, Gamal Abdel Rahim Mohamed Metwally.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang mengumumkan tokoh berkenaan, turut membacakan ucapan terima kasih Syeikh Ahmad Tayyib kepada Kerajaan Malaysia atas penghormatan yang diberikan.

BERNAMA



Dr Noor Hisham bersama sijil dan pingat Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah pada Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1442H/2020M di Masjid Negara, Kuala Lumpur, malam kelmarin.

(Foto Alzuddin Saad/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Tutup satu masjid, surau untuk sanitasi

Kuala Terengganu: Sebuah masjid dan sebuah surau di Kuala Nerus, dekat sini, terpaksa ditutup sementara bagi membolehkan proses sanitasi dilakukan.

Masjid dan surau itu ditutup sementara selepas dikatakan dikunjungi seorang individu disyaki dijangkiti Covid-19.

Pengarah Kesihatan negeri Dr Nor Azimi Yunus berkata, penutupan sementara berkuat kuasa kelmarin dilakukan selepas pihaknya menerima makluman satu kes individu disyaki dijangkiti virus Covid-19, Selasa lalu.

Jelasnya, kes itu masih dalam proses ujian pengesahan makmal dan individu itu tidak bergejala serta mempunyai sejarah pulang bercuti ke negeri ini bermula akhir bulan lalu sehingga Sabtu lalu.

"Individu itu dikatakan menziarah saudara-mara dan rakan di beberapa lokasi sepanjang bercuti.

"Sebagai langkah



Individu itu dikatakan menziarah saudara-mara dan rakan di beberapa lokasi sepanjang bercuti"

Dr Nor Azimi

proaktif untuk mencegah dan mengawal penularan Covid-19, kami berusaha mengesan, pengasingan dan ujian saringan ke atas kontak rapat individu berkenaan," katanya dihubungi, semalam.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Negara tidak merekodkan sebarang kes penularan tempatan **Kluster baharu di Bintulu**

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Lima kes import Covid-19 dikesan semalam dengan empat daripadanya dikenal pasti membabitkan kluster baharu terpencil iaitu Kluster Alam di Bintulu, Sarawak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lima kes baharu itu membabitkan tiga bukan warganegara dan dua warganegara.

Menurutnya, empat daripada lima kes positif Covid-19 tersebut adalah Kluster Alam yang terpencil dikenal pasti di sebuah kapal di Bintulu, Sarawak.

"Kluster ini dikesan susulan

saringan Covid-19 dijalankan ke atas lima orang kakitangan kapal yang mengalami gejala.

"Daripada jumlah tersebut, empat didapati positif Covid-19 dan seorang masih menunggu keputusan pengesahan makmal," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, empat kes tersebut membabitkan dua warga Malaysia dan dua warga asing yang mana kapal mereka bertugas mempunyai perjalanan ke Jepun.

"Mereka sedang dirawat di Hospital Bintulu dan pada masa sama kluster ini tidak membawa risiko penularan jangkitan di dalam komuhiti kerana merupa-

kan kluster import yang terpencil di sebuah kapal.

"Aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat sedang dijalankan, manakala langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar telah dijalankan di kapal tersebut," katanya.

Selain itu, katanya, satu lagi kes baharu positif Covid-19 ialah di Selangor iaitu kes import dari negara Bangladesh.

"Tiada kes penularan tempatan dilaporkan di kluster-kluster aktif dalam negara semalam (kelmarin)," katanya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	5
Import: 5 Tempatan: 0	
• Pulih	7
• Kematian	0
• Masih dirawat	183
• Jumlah kes sembuh	8,932
• Jumlah Kematian	125
Jumlah kes keseluruhan	9,240

berkata, tiga kluster iaitu Elsa, Stutong dan PUI Al-Khobar ditamatkan semalam menjadikan 82 kluster tamat setakat ini.



NOOR HISHAM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kluster Alam di Sarawak

Empat daripada kru kapal yang berlabuh di Pelabuhan Bintulu disahkan positif

KUCHING



Kapal tangki minyak yang berdaftar di Pelabuhan Klang itu mempunyai sejarah pelayaran ke Pelabuhan Toyama Shinko, Jepun sebelum berlabuh di Pelabuhan Bintulu.

Satu kluster baharu iaitu Kluster Alam telah diisytiharkan di Sarawak setelah empat daripada kru kapal yang berlabuh di Pelabuhan Bintulu disahkan positif koronavirus (Covid-19).

Menurut kenyataan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak semalam, kapal tangki minyak yang berdaftar di Pelabuhan Klang itu mempunyai sejarah

pelayaran ke Pelabuhan Toyama Shinko, Jepun dari 27 Julai hingga 1 Ogos sebelum singgah di Pelabuhan Labuan pada 10 Ogos lalu.

“Semasa dalam perjalanan ke perairan Bintulu, kapten kapal telah memaklumkan kepada ejen kapal berkenaan terdapat dua anak kapal yang sakit

dan memerlukan rawatan di hospital.

“Siasatan awal menunjukkan kluster ini berpunca daripada jangkitan luar negara iaitu kemungkinan dibawa oleh kru yang sign on (mendaftar) ke atas kapal semasa singgah di pelabuhan antarabangsa. Siasatan lanjut ke atas kluster ini masih di-

lakukan dan pengesanan serta saringan ke atas semua kontak sedang giat dijalankan,” kata kenyataan itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan semalam berkata, kluster berkenaan tidak membawa risiko penularan jangkitan dalam komuniti kerana ia merupakan kluster import yang terpencil (isolated) di sebuah kapal.

“Kesemua kes positif berkenaan merupakan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara yang melibatkan dua warga Malaysia dan dua bukan warganegara.

“Mereka sedang dirawat di Hospital Bintulu, Sarawak,” katanya. - Bernama

Lima kes positif baharu

KUALA LUMPUR - Hanya lima kes positif koronavirus (Covid-19) baharu direkodkan sehingga jam 12 tengah semalam dan kesemuanya kes import, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah terkumpul kes positif Covid-19 di negara ini sebanyak 9,240 kes manakala jumlah kes aktif dengan bolehjangkitan virus berkenaan sebanyak 183 kes.

Menurutnya, lima kes import berkenaan melibatkan dua warga Malaysia manakala tiga lagi bukan warga-negara.


“Kes-kes tersebut dari Jepun (empat kes di Sarawak) dan Bangladesh (satu kes di Selangor). Tiada kes penularan dalam negara yang dilaporkan hari ini (semalam),” katanya.

Beliau berkata, tujuh kes telah pulih daripada pandemik berkenaan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 8,932 kes iaitu 96.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini terdapat tujuh kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan empat kes memerlukan bantuan pernafasan.

“Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 kekal sebanyak 125 kes,” katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kluster baharu Alam melibatkan 4 kru kapal

Oleh **AQILAH MIOR KAMARULBAID**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Satu lagi kluster baharu diisytiharkan di Bintulu, Sarawak selepas empat daripada lima kru sebuah kapal yang sedang berlayar ke perairan Bintulu disahkan positif Covid-19.

Seorang lagi masih menunggu hasil pengesanan makmal. Dua daripada mereka adalah warganegara manakala yang lain adalah dua warga Filipina dan seorang warga India.

Namun, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kluster yang dinamakan Kluster Alam itu adalah kes terpencil yang melibatkan kru kapal berkenaan sahaja.

Terdahulu, Jurucap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak berkata, kapal berkenaan yang dalam pelayaran dari Pelabuhan Toyama Shinko, Jepun dibenarkan 'signed off' selepas beberapa kru mengalami tanda dan gejala awal Covid-19.

Kapal tangki yang berdaftar di Pelabuhan Klang itu singgah di Pelabuhan Toyama Shinko pada 27 Julai hingga 1 Ogos lalu sebelum singgah di Pelabuhan Labuan pada 10 Ogos.

Ketika dalam pelayaran ke perairan Bintulu, Kapten kapal memaklumkan kepada ejen kapal terdapat dua orang anak kapal sakit dan memerlukan rawatan di hospital.

Jurucap itu berkata, seramai lima kru dibawa turun dari kapal dan dimasukkan ke wad isolasi Hospital Bintulu untuk rawatan dan siasatan lanjut.

Sarawak kini merekodkan jumlah keseluruhan kes positif sebanyak 686 kes.

Tambah Noor Hisham, kluster itu tidak membawa risiko penularan jangkitan dalam



“Aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat sedang dijalankan serta langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar telah dijalankan di kapal tersebut.”

DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

komuniti kerana merupakan kluster import yang terpencil di sebuah kapal.

“Aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat sedang dijalankan serta langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti nyah cemar telah dijalankan di kapal tersebut,” jelasnya.

Sementara itu, seorang warga Bangladesh dikesan positif Covid-19 di Selangor, sekali gus menjadikan sebanyak 9,240 kes di negara ini dengan jumlah kes aktif dengan kebole-hjangkitan sebanyak 183 kes.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/ NATION



Tan Sri Dr Noor Hisham
Abdullah

New cluster found on ship in Bintulu

KUALA LUMPUR: A new Covid-19 cluster, dubbed the Alam cluster, has been identified on a ship in Bintulu, Sarawak, involving four people.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday this cluster was detected following a screening done of five crew members who had shown symptoms.

"Of the five people, four tested positive while one is waiting for the test results.

"All of these cases are imported involving two Malaysians and two foreigners," he said, adding that the ship had a travel history to Japan.

The four are being treated at Bintulu Hospital.

Dr Noor Hisham said the Alam cluster did not pose an infection risk to the community as it was an isolated cluster on a ship.

"Active case detection and close contact screening are ongoing. The ship has been cleaned and sanitised."

On case updates, he said the Health Ministry recorded no new locally-transmitted infections up to noon yesterday.

The last time the country recorded zero locally-transmitted cases was on July 14.

Five new cases were reported, with all five being imported cases.

This brings the total number of cases to 9,240, with 183 active cases.

"Of the five imported cases, two involve Malaysians while three are foreigners.

"The cases are from Japan (four in Sarawak) and Bangladesh (one in Selangor)."

Seven patients are being treated at the Intensive Care Unit, with four needing ventilators, he added.

Seven patients have recovered, raising the number of recoveries to 8,932 (96.7 per cent).

He said no deaths were recorded, with the death toll standing at 125, or 1.35 per cent, of total cases.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

DG: All five new cases detected were imported

PUTRAJAYA: All the five new Covid-19 cases found were imported, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

In his daily update yesterday, he said the cases involved two Malaysians and three foreigners.

"They came from Japan (four in Sarawak) and Bangladesh (one in Selangor)," he said, adding that no new deaths were reported. The death toll in Malaysia stays at 125.

But a new cluster called Alam Cluster had been identified on a sea vessel at Bintulu, Sarawak.

"Four positive cases were traced to the vessel. The cluster was identified following screenings on five crew who experienced symptoms.

"Four of them tested positive while the remaining one was still awaiting lab results," he said.

Dr Noor Hisham said the positive cases were infected outside of the country and they involved two Malaysians and two foreigners.

"The vessel had been to Japan. They are receiving medical treatment at Hospital Bintulu.

"This cluster does not pose a threat to the community as it is an isolated imported cluster on a ship," he said, adding that active case detection and contact screenings were being conducted.

Preventive measures such as decontamination and sanitising processes had been carried out on the vessel, he said.

Malaysia has recorded 9,240 infections since the outbreak began early this year.

Dr Noor Hisham said seven more patients had been discharged, bringing the total number of recoveries in the country to 8,932, translating to a recovery rate of 96.7%.

The number of active cases on Thursday has gone down to 183 from 185 the previous day.

Currently, seven people are being treated at intensive care units, with four of them requiring ventilator support.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

New cases back to single digits

PETALING JAYA: The number of new Covid-19 cases is back to single digits, with only five reported as of noon yesterday.

But the good news is that there were no locally transmitted cases. Only two among the five are Malaysians.

Four of the five had returned to Sarawak from Japan and the fifth person, from Selangor, was in Bangladesh.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday that with the addition of

the five cases, the national tally now stands at 9,240.

He said of the four who tested positive when they arrived in Bintulu port, two are Malaysians and the other two foreigners.

"Their ship has a history of docking in Japan," Noor Hisham said.

Five crew members were screened and one is still waiting for test results.

"This is an isolated cluster called Alam," he said. "There is a small chance of it spreading in the local community."

Noor Hisham said the ministry is carrying out active cases detection among those who had come into close contact with those on board the ship.

He urged the public to continue adhering to the ministry's standard operating procedures such as avoiding crowded areas, confined spaces and close conversations.

Seven patients were discharged from hospital yesterday while another seven are being treated in intensive care units, with four requiring ventilator support.